

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) sebab pelaksanaan semula Program Belajar Sambil Bekerja (Train and Place Programme) oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) sedangkan program tersebut telah terbukti gagal dari tahun 2016 hingga 2018; dan
- (b) langkah-langkah efektif untuk memastikan kesilapan serupa tidak akan berulang lagi serta langkah-langkah khusus untuk memastikan latihannya relevan dan memberi kesan besar kepada industri berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan program *Train and Place* yang telah dilaksanakan oleh PSMB sebelum ini memberi fokus untuk memberikan latihan kepada pekerja tempatan bagi meningkatkan kemahiran mereka untuk menggantikan pekerja asing dan seterusnya mengurangkan kebergantungan majikan terhadap pekerja asing.
2. Inisiatif PENJANA HRDF yang sedang dilaksanakan oleh PSMB adalah selaras dengan situasi semasa di mana pandemik COVID-19 telah memberi impak kepada golongan pekerja yang terjejas di samping mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia. PSMB komited dalam memastikan inisiatif ini dapat memberi impak kepada pengurangan kadar pengangguran dengan memberi fokus kepada peningkatan jumlah penempatan pekerjaan dan penjanaan pendapatan melalui Place and Train, SME Development, B40 Development, Upskilling and Reskilling dan Gerak Insan Gemilang (GIG).

Sekian, terima kasih.